



21 FEB, 2021

FAMA pasarkan 200 tan metrik nanas moris milik 30 pekebun

Kosmo Ahad, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA pasarkan 200 tan metrik nanas moris milik 30 pekebun

PONTIAN – Sebanyak 200 tan metrik buah nanas moris dibeli Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor daripada 30 pekebun kecil bagi mengatasi masalah lambakan buah-buahan tropika berkenaan.

Pengarah FAMA Johor, Sharizan Sudiman berkata, belian nanas tersebut melibatkan pekebun dari daerah Pontian, Muar dan Batu Pahat yang sebelum ini menjual buah-buahan itu menggunakan media sosial.

Menurutnya, FAMA dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) menghantar nanas yang dibeli ke kilang untuk diproses dan kemudian dipasarkan ke seluruh negara termasuk Melaka, Lembah Klang dan Pantai Timur.

"Selain itu, kita juga memasarkan buah-buahan itu di premis peruncitan antaranya pasar tani, pasar tani kekal, gerai buah-buahan segar (GBBS).

"Sebanyak 95 tan metrik nanas lagi dipasarkan melalui Facebook Marketplace, Agrobazar Online



FAMA membantu memasarkan nanas moris milik 30 pekebun yang tidak terjual ekoran pelaksanaan PKP.

dan WhatsApp.

"Hasil daripada pemasaran secara online yang dilakukan sebanyak 20,000 ribu biji nanas moris telah dijual," katanya di sini semalam.

Tambah Sharizan, pengeluaran utama moris di daerah Pontian, Kluang, Batu Pahat dan Muar dengan anggaran keluasan tanaman ialah 126.51 ekar (yang berdaftar di bawah LPNM) sehingga 15 Februari lalu.

"Kami bersedia untuk bekerjasama dengan mereka yang menghadapi masalah untuk memasarkan hasil-hasil pertanian termasuk nanas dengan menyertai program Kontrak Pemasaran," ujarnya.

Kosmo! sebelum ini melaporkan pekebun nanas moris menghadapi kerugian disebabkan hasil tuaian mereka tidak dapat dijual ekoran Perintah Kawalan Pergerakan.



21 FEB, 2021

FAMA pasarkan 200 tan metrik nanas moris milik 30 pekebun

Kosmo Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PONTIAN - Sebanyak 200 tan metrik buah nanas moris dibeli Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor daripada 30 pekebun kecil bagi mengatasi masalah lambakan buah-buahan tropika berkenaan. Pengarah FAMA Johor, Sharizan Sudiman berkata, belian nanas tersebut melibatkan pekebun dari daerah Pontian, Muar dan Batu Pahat yang sebelum ini menjual buah-buahan itu menggunakan media sosial.